

CNS71.07

R GB 13-12 00168 DA 937

aab

SIKAP PILIH KERJA BERPELUANG MAJIKAN AMBIL PEKERJA ASING
Parlimen - Pekerja

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Sikap suka memilih kerja oleh rakyat tempatan telah memberikeseempatan kepada majikan dan penyusaha mengambil pekerja asing, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata kerajaan sentiasa menggerakkan berbagai-bagai aktiviti ekonomi supaya dapat mewujudkan seberapa banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

Ketika menjawab soalan Encik Wong Sing Nany (DAP-Lanang), beliau berkata kerajaan sentiasa memastikan hanya majikan dan pengusaha yang benar-benar memerlukan pekerja asing dibolehkan berbuat demikian setelah terbukti tiada pekerja tempatan mahu bekerja dengan mereka.

Malah kerajaan tidak mempunyai maklumat kononnya rakyat Sarawak merasa bosan dengan pekerja-pekerja asing di kawasan pembalakan seperti yang di dakwa oleh Encik Wong, katanya.

Perdana Menteri berkata Kementerian Dalam Negeri sentiasa memerhatikan, pengambilan pekerja asing oleh pengusaha pembalakan kerana kesukaran mendapatkan pekerja-pekerja tempatan. -- Lagi

♥13/12/17-35MST

CNS7111

R GB 13-12 00078 BA 938

aab

Parlimen - Pekerja 2 (akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk memberhentikan kemasukan pekerja asing tanpa izin dengan meningkatkan tindakan penguatkuasaan di tempat-tempat yang disyaki.

Antaranya, meningkatkan kawalan dan rondaan di kawasan yang disyaki sebagai tempat kemasukan pendatang tanpa izin yang baru ke negara ini, katanya.

Beliau berkata sekiranya mereka ditangkap, pendatang itu dan majikan yang terbabit akan dihadapkan ke mahkamah. -- Bernama

♥13/12/17-38MST